

Keangkuhan AS

BH 19 MAY 2002

APA komen anda mengenai kunjungan Perdana Menteri ke Washington?

Ini lawatan yang amat signifikan kerana ia simbol kepada satu era baru dalam hubungan Kuala Lumpur-Washington. Ini kerana hubungan sedia ada bukan saja kelihatan semakin baik, bahkan ia mencapai pada peringkat bahawa Washington yang diwakili Presidennya, George Bush, mengiktiraf peranan Malaysia pada peringkat global, secara khususnya di kalangan dunia Islam dan negara membangun.

Dari segi politik dan runding antarabangsa, Dr Mahathir selepas mengalami kemelut politik yang serius pada 1999, kini kelihatan semakin berpengaruh. Adakah lawatan ke Washington ini dapat memulihkan sepenuhnya imejnya pada peringkat antarabangsa?

Dunia sudah berubah begitu banyak terutama selepas Tragedi 11 September (serangan penganas ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan kubu pertahanan Amerika Syarikat di Pentagon), sekurang-kurangnya itu perspektif Amerika Syarikat. Jadi pertimbangan negara yang menjadi kuasa besar dunia ini juga mulai berubah. Hari ini Amerika Syarikat lebih menitik berat mengenai soal keselama-



thir ke sana dan menggembar-gemburkan beliau adalah pemimpin besar Asean yang terakhir menerima jemputan ke Oval Office. Apa komen anda mengenai kenyataan itu?

Pandangan skeptikal itu akan sentiasa timbul terutama apabila ia membabitkan hubungan antara kerajaan pemerintah dan pembangkang. Sebenarnya, tidak penting siapa yang dijemput dulu atau yang akhir. Apa yang penting ialah persepsi Washington terhadap sesebuah negara itu dan betapa pentingnya Malaysia dalam pengiraan strategik Amerika Syarikat.

Saya berani berkata Malaysia sekarang jauh lebih penting kepada Amerika Syarikat, berbanding negara Asean lain yang selama ini dilihat mempunyai hubungan lebih rapat dengan negara itu.

tan daripada soal mengenai demokrasi atau hak asasi manusia.

Saya berpendapat dalam soal ini yang berubah ialah Amerika Syarikat bukannya Malaysia. Ini kerana sejak dari zaman awal kemerdekaan kita sehingga kini, Malaysia sentiasa mengutamakan kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat terbanyak, baik dalam pendekatan kita dalam menangani sebarang masalah, mahupun polisi yang digariskan oleh Kerajaan.

Justeru, lawatan Perdana Menteri sebenarnya simpton kepada perubahan itu. Dari kamata Washington, KL penting dalam usahanya untuk menentang keganasan kerana ia menganggap Malaysia kini sebagai 'kawan rapatnya' di kalangan negara Islam.

Selepas serangan 911, Bush menelefon Dr Mahathir untuk mengambil hati seorang pemimpin Islam yang bersetuju bahawa keganasan patut dibanteras sepenuhnya. Apakah pandangan anda mengenai tindakan Bush yang sanggup merendah diri untuk menelefon pemimpin dari sebuah negara kecil seperti Malaysia?

Soalan sama ada seseorang itu merendah diri atau tidak, sebenarnya tidak pernah timbul. Tindakan Bush untuk menunjukkan tahap pragmatik Amerika Syarikat dan sejauh mana ia sanggup pergi. Apa yang berlaku membuktikan Amerika Syarikat sudah mula berubah persepsi mereka dan ini satu petanda baik.

Pembangkang skeptikal dengan lawatan Dr Maha-

Antara soalan pada sidang media di sana membabitkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim sama ada dia dibebaskan dan jawapan Bush ialah: "Our position has not changed" (kedudukan kami masih tidak berubah). Apa yang agak dimaksudkan oleh Bush. Adakah isu Anwar akan sentiasa membayangi mana-mana hubungan dua hala Malaysia dengan mana-mana negara terutama negara besar seperti AS?

Pada pendapat saya, Bush membuat pendirian yang begitu jelas bahawa isu yang pernah menjadi halangan dalam hubungan dua hala Kuala Lumpur-Washington kini bukan lagi satu halangan. Benar dia berkata kedudukan AS tidak berubah, tetapi dia tidak membuat sebarang kenyataan susulan.

Jadi bagi saya perkara itu adalah jelas, sekiranya Bush melihat isu Anwar masih sebagai satu lagi isu, beliau sudah pasti tidak akan bertemu Dr Mahathir apabila menjemput beliau ke White House. Sebenarnya, pentadbiran Amerika Syarikat baik pada zaman Clinton, mahu pun di bawah Bush sekarang, AS tidak pernah secara rasmi menyuarakan sokongan terhadap isu Anwar, mereka tidak pernah berkata mereka menyokong Anwar walaupun bekas Naib Presidennya, Al-Gore, secara peribadi menyuarakan perkara itu di Kuala Lumpur.

Sejak 1996, pertemuan antara Malaysia dan AS hanya berasaskan dialog pelbagai hala, bukan dua hala seperti minggu lalu. Jadi bagi saya, perjumpaan dua hala antara Dr Mahathir dan Bush minggu lalu, dalam bahasa diplomatik bermakna apa yang

makin terhakis

LAWATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Washington DC, awal minggu ini, bukan saja menandakan keangkuhan Amerika Syarikat yang dipamerkan melalui bekas Naib Presidennya, Al Gore, ketika berada di Kuala Lumpur tiga tahun lalu semakin terhakis, bahkan ia membuktikan bahawa suara lantang dari negara kecil seperti Malaysia tidak lagi boleh dipandang remeh.

Walaupun dalam isu tertentu, George W Bush tidak begitu menjaga hati tetamu undangannya, namun secara keseluruhan Presiden AS itu tidak mampu untuk menafikan pengaruh Dr Mahathir dalam dunia Islam, terutama dalam misinya untuk menangani isu Ikuti analisis Pengarah Eksekutif Pusat Strategi Malaysia, Abdul Razak Baginda (gambar), mengenai hasil pertemuan itu dan hala tuju hubungan Kuala Lumpur-Washington, dalam bicaranya bersama wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR.

kononnya dianggap umum selama ini sebagai halangan, kini bukan lagi satu halangan.

Antara strategi Dr Mahathir dalam melawan keganasan ialah mencari punca keganasan, bukan tindakan ketenteraan. Dalam isu keganasan yang berlaku antara Palestin-Israel pula, beliau lebih suka mencari jalan dalam walaupun ia memakan masa

yang lama. Apakah pemimpin seperti Bush sanggup menerima nasihat daripada pemimpin negara kecil seperti Dr Mahathir?

Ini bukan persoalan sama ada terima atau tidak menerima nasihat, malahan isu ini boleh menjadi begitu subjektif. Kita melihat apa yang berlaku perlu disesuaikan dengan keadaan sama ada pemimpin berkenaan bercakap di galeri tempatan atau antarabangsa. Ini politik jadi kita

tidak boleh berkata sama ada Bush jujur atau tidak dalam menerima pandangan atau idea Dr Mahathir.

Perkara sama ada Bush menerima atau tidak bukan satu isu, tetapi yang penting Bush mengiktiraf Dr Mahathir dan Malaysia boleh memainkan peranan penting membantu AS menangani keganasan antarabangsa.

Seperti kata Perdana Menteri bahawa Bush menerima pan-

dangan Malaysia mengenai isu Palestin-Israel, jadi kita dapat melihat jika satu ketika dulu Bush mengambil sikap tidak bertolak ansur dengan Palestin tetapi sekarang pendirian kerasnya itu sedikit longgar.

Sedikit mengenai politik dalaman, imej Dr Mahathir semakin pulih sekarang selepas tercemar teruk disebabkan kemelut politik 1999. Dalam senario politik mutakhir apakah anda fikir rakyat Malaysia terutama bangsa Melayu sudah memaafkan tindakannya yang lalu dan mula menyedari hakikat sebenar?

Saya tidak fikir mengenai isu sama ada orang sudah memaafkannya atau tidak tetapi bagi saya mereka yang pernah menentang dan membencinya kini semakin realistik. Kita jangan longgok atau ikat Melayu dalam satu kumpulan. Cuba kita ambil kumpulan kelas pertengahan Melayu terutama di kalangan kakitangan kerajaan, satu masa dulu mereka yang menjadi penentang kuat pentadbiran Dr Mahathir, tetapi hari ini mereka mula berubah pendirian dan kembali menyokongnya.

Pada kemelut 1999, mereka berasa kecewa dan menyokong pembangkang untuk melepaskan perasaan kecewa. Ketika itu memang kelihatan Umno begitu

lemah dan pembangkang semakin berpengaruh. Tetapi selepas 911, keadaan berubah dan pemikiran majoriti kumpulan pertengahan juga berubah terutama selepas melihat sikap Pas yang tidak mahu bertolak ansur dan membuat kenyataan yang menjejaskan kewibawaan mereka. Keadilan pula dilihat makin tidak relevan terutama dengan pengunduran beberapa orang kuat mereka dan asas perjuangan parti itu juga kini dilihat semakin kabur.

Ketika ini hanya Pas mungkin dilihat masih berpengaruh, terutama di kalangan kaum lelaki Melayu yang rata-rata masih *chauvinistic* kerana kebanyakan isu dibawa Pas masih valid, Kita kena mengakui hakikat Melayu walaupun modennya mereka, tetapi mereka masih tetap Islamik walaupun ramai yang hidup dalam keadaan berpura-pura.

Bagaimanapun, keadaan berbeza bagi wanita. Contohnya isu mengenai wanita cantik lebih baik tidak bekerja, jelas memperlekehkan kemampuan wanita. Perlu diberi perhatian bahawa kuasa undi wanita adalah 50 peratus, jadi kelebihan kembali kepada Umno terutama dengan penubuhan Puteri yang kini memberi ruang kepada wanita muda terutama golongan profesional untuk membabitkan diri dalam politik.